



Azman mengadakan lawatan ke rerual pameran menjual produk usahawan tempatan.

My Best Buy di Muzium Kedah

ALOR SETAR - Muzium Kedah dipilih untuk mengadakan Program My Best Buy oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dengan kerjasama beberapa rakan strategik.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Azman Nasrudin berkata, program My Best Buy bertujuan memperhebatkan jualan produk pertanian secara terus daripada pengeluar kepada pengguna.

"Bersempena dengan cuti sekolah, saya yakin lokasi dipilih untuk mengadakan program ini sangat bersesuaian di mana pengunjung khususnya ibu bapa berpeluang membeli belah sambil berkunjung ke muzium negeri.

"Kita yakin dengan kerjasama

pihak Muzium Kedah, dapat meningkatkan jualan usahawan yang mengadakan program selama tiga hari bermula 30 November hingga 2 Disember ini," katanya, selepas merasmikan Program My Best Buy di Muzium Kedah, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Muzium Kedah, Suhaidi Shukri, Pengarah Fama negeri, Anuar Mohamed.

Beliau turut berharap, program itu diadakan setiap bulan untuk menarik ramai pengunjung ke tempat bersejarah di negeri itu, di samping menyumbang kepada usahawan tempatan menyertai program itu.

"Kita perlu fikir dari luar kotak, muzium sering disalahtafsirkan sebagai sebuah tempat penyimpanan barang-barang lama. Sebenarnya

program ini membantu menarik ramai pengunjung ke muzium, selain memberi pendapatan kepada usahawan-usahawan tempatan," katanya.

Azman berkata, Program My Best Buy 2.0 dilaksanakan di 159 lokasi di seluruh negara sehingga 25 November lalu.

"Nilai jualan yang dicatatkan bagi 1,166 kali program My Best Buy 2.0 dianjurkan membabitkan nilai RM12.6 juta dengan bilangan pengunjung seramai 1,025,971 orang.

"Di Kedah, untuk tempoh Januari hingga Oktober ini, nilai jualan dicatatkan adalah sebanyak RM820,512.32 membabitkan 725 usahawan dalam program ini," katanya.